“Engkau memeluk Islam beserta kebaikan yang telah engkau lakukan dahulu.”

Daripada Hakim bin Hizam رضي الله عنه, beliau berkata: Aku berkata: “Wahai Rasulullah, bagaimana dengan amalan-amalan yang aku lakukan pada zaman jahiliah seperti bersedekah, memerdekakan hamba, dan menyambung silaturahim, adakah aku akan mendapat pahala daripadanya?” Lalu Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda: “Engkau memeluk Islam beserta kebaikan yang telah engkau lakukan dahulu.”

[صحيح] [متفق عليه]

Rasulullah ﷺ menjelaskan bahawa orang kafir apabila memeluk Islam, maka dia akan diberi pahala atas amalan-amalan soleh yang telah dilakukannya pada zaman jahiliah sebelum keislamannya, seperti sedekah, membebaskan hamba atau menyambung silaturahim.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/65016